

21 OCT 1996

Mahathir-Elektrik

KUASA HIDROELEKTRIK PILIHAN TERBAIK, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 21 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata tenaga hidroelektrik hendaklah dianggap sebagai pilihan terbaik untuk alam sekitar.

Perdana Menteri berkata pilihan berikutnya ialah gas diikuti minyak dan arang batu manakala angin, kuasa suria, sisa dan biomas hanya sekadar kepentingan ilmiah pada waktu ini.

"Apabila kita memikirkan mengenai elektrik sebagai satu sumber tenaga yang bersih, kita harus ingat bahawa kita kerap mengelak pencemaran daripada merebak dengan menumpukannya ke satu kawasan khusus iaitu tempat elektrik itu dijana," kata beliau ketika merasmikan Persidangan Ke-11 Industri Bekalan Tenaga Elektrik (CEPSI) di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Dr Mahathir berkata penggunaan kuasa hidro untuk menjana elektrik tidak akan mencemar persekitaran berbanding penggunaan arang batu atau minyak.

"Memanglah loji hidroelektrik akan mengubah bentuk tanah yang luas, mungkin juga hutan primitif. Tetapi tanah-tanah ini juga diancam oleh pembalakan, penebasan untuk pertanian termasuk penanaman secara berpindah dan akhirnya penempatan manusia," katanya.

Persidangan dan pameran lima hari itu dihadiri 2,000 peserta dari 44 negara. Ia anjuran Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Dr Mahathir berkata stesen jana kuasa hidroelektrik boleh direka untuk mengurangkan kesan terhadap alam sekitar dengan mengekalkan flora dan fauna bagi menjadikan persekitarannya menarik.

Kuasa elektrik akan terus memainkan peranan unik dalam perubahan teknologi dan merupakan bentuk tenaga terbaik yang membolehkan ianya dikawal kerana ia berupaya memberi kuasa kepada perkakass paling kecil hingga ke proses industri yang besar.

"Jelaslah bahawa sesebuah negara yang mempunyai bekalan tenaga elektrik yang murah dan banyak boleh maju dengan cepat. Negara-negara maju mempunyai keupayaan penjanaaan yang besar dan dengan itu dapat menggunakan sepenuhnya potensi ekonomi mereka," katanya.

Sebaliknya negara-negara membangun menghadapi pelbagai halangan sekalipun jika mereka mempunyai potensi besar seperti sungai untuk menjana tenaga. Halangan itu termasuk kos yang tinggi bagi membina stesen hidroelektrik dan isu alam sekitar yang tidak dihadapi oleh negara-negara maju ketika mereka membangunkan tenaga hidro masing-masing, katanya.

Dr Mahathir berkata bahawa untuk mengatasi bantahan aktivis alam sekitar, memerlukan belanja lebih besar bagi perlindungan alam sekeliling yang tidak berkait terus dengan penjanaaan tenaga.

"Akibatnya ialah negara-negara miskin mungkin tak berpeluang memperolehi tenaga elektrik yang murah menyebabkan mereka sentiasa daif. Malangnya, rakyat miskin merupakan pemusnah terbesar alam sekitar.

"Untuk terus hidup, mereka sering memotong pokok untuk mendapatkan kayu api. Berjuta-juta rakyat miskin memotong pokok setiap hari untuk tujuan membakar, dan lambat laun akan menghapuskan hutan kita selain melepaskan begitu banyak karbon dioksida ke udara," katanya.

Di kebanyakan negara miskin, rakyatnya yang tinggal di kawasan hutan masih lagi membakar dan memotong hutan dara untuk membolehkan mereka bercucuk tanam menerusi penanaman berpindah tetapi golongan miskin tidak pula dibidas kerana berbuat demikian.

Bagaimanapun, pihak kapitalis yang kaya dan kerajaan yang membangunkan

stesen janakuasa sering menjadi sasaran kecaman, kata Dr Mahathir sambil menjelaskan bahawa sikap seperti ini akan hanya membantu memusnahkan alam sekitar.

"Kita perlu berani menghadapi kebenaran dan bercakap terus terang. Kita tidak perlu keras dan memegang kepada amalan dan sikap yang boleh memudaratkan kita.

"Hakikatnya ialah kemiskinan mengancam alam sekitar. Jika kemiskinan hendak diatasi, kita perlu akui bahawa yang miskin harus terima perubahan dalam corak hidup, malahan persekitaran mereka.

"Ia mungkin sukar pada peringkat awal tetapi kerugian mereka akan dikurangkan dan mereka mungkin diberi ganjaran. Yang penting ialah membasmi kemiskinan dan ancaman kepada alam sekitar. Dan projek tenaga akan menyumbang kepada matlamat ini menerusi pelbagai cara dan yang berkekalan," katanya.

Dr Mahathir berkata jika penjanaan tenaga elektrik menjadi murah, lebih ramai orang akan menikmati manfaatnya seperti mampu meningkatkan mutu kehidupan mereka manakala pencemaran dikurangkan.

Perdana Menteri berkata persidangan CEPESI itu diadakan tepat pada masanya khususnya di Asia Tenggara yang mempunyai beberapa negara yang amat memerlukan tenaga elektrik untuk pembangunan mereka.

Malaysia berminat bukan saja untuk mempunyai tenaga mencukupi tetapi untuk menyertai usaha negara lain menjana tenaga mereka, katanya.

Persidangan itu dijangka membincangkan 400 kertas kerja meliputi perkara-perkara teknikal serta isu kawal selia, penetapan harga, perjanjian pembelian tenaga dan juga peraturan dan keperluan industri. -- BERNAMA

AFY MAI